

# UMS, UNAS anjur Lawatan Akademik di Kedutaan Besar M'sia

Ibrahim Tabir DE 10.5.2014 7

JAKARTA (Indonesia): Mahasiswa/i Fakultas Sains Sosial, Program Hubungan Industri Tahun Tiga, Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah menganjurkan Lawatan Akademik serta diskusi ilmu bersama Universitas Nasional (UNAS) yang diadakan di Kedutaan Besar Malaysia di sini, baru-baru ini.

Diskusi ilmu itu merupakan program antarabangsa yang diselia oleh Fauzi Sarjono yang juga pensyarah bagi subjek berkaitan dimana beliau memberi banyak galakan serta dorongan agar mahasiswa tampil ke depan untuk menganjurkan sesuatu program di peringkat global kerana melalui program seperti itu dapat memberi banyak input kebaikan serta membuka dimensi pemikiran pelajar tersebut.

Diskusi itu antara lain membincangkan mengenai "Sistem Pampasan Malaysia dan Indonesia: Peluang dan Cabaran" dibawah subjek AH30803 (Pengurusan upah dan pampasan).

Menurut Pengarah program Diskusi Ilmu antara universiti, Nurul Fadilah Ahmad, atas dorongan terse-

but, program ini telah diuruskan sendiri oleh mahasiswa/i Sekolah Sains Sosial dengan kolaborasi yang diberikan oleh mahasiswa-mahasiswi UNAS dan juga Kedutaan Besar Malaysia di sini.

Bertemakan "Merentasi Ilmu ke Nusantara", Nurul Fadilah berkata, diskusi ilmu yang diadakan bersama mahasiswa UMS dan UNAS memberi manfaat kepada para peserta berdasarkan isu yang dibincangkan berjaya melihat peluang dan cabaran dari pelbagai sudut dan bukan hanya tertakluk pada satu negara sahaja.

Ini kerana walaupun banyak perbezaan antara Malaysia dan Indonesia dari segi "upah dan pampasan", namun terdapat persamaan iaitu masih wujud saling kebergantungan antara Malaysia dan Indonesia dari segi pembekalan pekerjaan kepada buruh-buruh asing Indonesia.

"Tambahkan lagi, peserta program telah melihat bahawa pada dasarnya iaitu dari segi teorinya adalah sama antara kedua-dua negara, namun dari segi operasinya adalah sangat berbeza," katanya.

Menurut Fadilah, dengan menggu-

nakan "Wages Fund Theory", semakin tinggi kebolehdapatan (funding) yang dimiliki oleh sesebuah firma maka semakin tinggi keupayaan firma informal yang muncul membayar upah yang lebih kepada pekerjaanya.

"Perkara ini jika dilihat dari sudut perlaksanaan gaji minimum di Indonesia, terlalu banyak sektor informal wujud disebabkan proses industrilisasi. Oleh itu, berdasarkan teori ini, sektor informal tidak mampu membayar kadar gaji minimum kepada pekerja mereka sehingga menjadi isu dalam pembayaran upah dan hal ini diakui sendiri oleh wakil mahasiswa UNAS Renaldi Pratama, semasa diskusi berlangsung," kata Fadilah kepada Harian Ekspres.

Menurutnya, seramai 22 peserta delegasi UMS diiringi dua pensyarah menyertai program itu dimana mereka turut melakukan kunjungan hormat ke Kedutaan Besar Malaysia. Rombongan delegasi itu disambut oleh Atase Pendidikan, Maximilian Tariq Conrad.

"Dalam lawatan ini, banyak input yang telah diperoleh dan semangat patriotik itu hendaklah ditanam dalam diri setiap rakyat walau dimana jua kita berada. Secara kolektifnya, program lawatan akademik dan diskusi ilmu ini berjaya mencapai objektifnya melalui penyebaran ilmu ke nusantara disamping meningkatkan integrasi dalam kalangan mahasiswa UMS dan UNAS, seterusnya membentuk mahasiswa yang berkepimpinan dan dinamik yang berorientasikan kece-merlangan selaras dengan moto UMS "Bertekad Cemerlang", katanya.



PESERTA program hubungan Industri UMS bersama Maximilian semasa kunjungan tersebut.